

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 27 FEBRUARI 2017 (ISNIN)

Bil	Tajuk	Akhbar
1	Klia2 disahkan Selamat, bebas sebarang bahan toksid	Sinar Harian
2	VX tidak bersifat seperti radioaktif: Pakar	Berita Harian
3	VX: Klia2 bebas bahan toksid	Harian Metro
4	PDRM sahkan KLIA2 bebas bahan radioaktif berbahaya	Kosmo
5	Police: VX nerve agent used to kill North Korean leader's half-brother	The Edge
6	KLIA2 declared safe from toxin	The Star
7	Klia2 gets 'all clear' after big sweep	Malay Mail
8	Klia2 declared safe	The Sun
9	MCPF bimbang kes buli siber meningkat	Sinar Harian
10	Kreativiti sentuhan OKU	Utusan Malaysia
11	Safi jenama dipercayai	Sinar Harian

KERATAN AKHBAR
SINAR HARIAN (NASIONAL) : MUKA SURAT 6
TARIKH: 27 FEBRUARI 2017 (ISNIN)

Klia2 disahkan selamat, bebas sebarang bahan toksid

SEPANG - Pihak berkuasa mengisytiharkan Lapangan Terbang Antarabangsa KL 2 (klia2) adalah tempat selamat setelah pemeriksaan yang dilakukan awal mendapati tidak terdapat sebarang bahan toksik berikutan pembunuhan rakyat Korea Utara, Kim Jong-nam, di situ, yang dikenal pasti menggunakan agen saraf VX.

"Klia2 adalah tempat yang selamat," isytihar Ketua Polis Selangor, Datuk Seri Abdul Samah Mat selepas operasi pemeriksaan dilakukan dari 1.45 pagi hingga 3 pagi oleh Jabatan Forensik Polis, Jabatan Bomba dan Penyelamat dan **Lembaga Pelesenan Tenaga Atom**.



Operasi bersepadu untuk mengesan bahan kimia toksik dan bahan berbahaya di Balai Legar klia2, semalam. - Foto BERNAMA

Analisis Jabatan Kimia mendapati agen saraf VX digunakan untuk membunuh Jong-nam, abang pemimpin Korea Utara Kim Jong-un,

yang hidup secara terasing di klia2 pada 13 Februari.

Abdul Samah memberitahu sidang akhbar bahawa operasi itu meliputi

'semua kawasan dan lokasi yang mempunyai kaitan dengan kes itu' dan mendapati klia2 bebas daripada sebarang pencemaran bahan berbahaya.

Katanya, operasi dijalankan dari 1.45 hingga 3 pagi kerana tidak terdapat banyak orang di lapangan terbang berkenaan ketika itu dan pihak berkuasa tidak mahu menimbulkan sebarang suasana kecoh.

"Lebih mudah bagi kami menjalankan pemeriksaan apabila tidak banyak orang berada di situ," kata Abdul Samah.

Ditanya kenapa pihak berkuasa hanya melakukan pemeriksaan itu setelah 13 hari berlaku pembunuhan tersebut, beliau berkata sebabnya ialah polis hanya menerima laporan awal analisis mengenainya daripada **Jabatan Kimia**, Jumaat lalu.

"Kami melakukan proses pemeriksaan ini setelah menerima keputusan daripada **Jabatan Kimia**," katanya.

Beliau juga berkata, semua staf Malaysia Airports Holdings Berhad dan anggota polis yang pernah bersentuhan dengan Jong-nam serta suspek kes pembunuhan itu telah menjalani pemeriksaan perubatan sebagai langkah berjaga-jaga. - Bernama

KERATAN AKHBAR
BERITA HARIAN (PEMBUNUHAN) : MUKA SURAT 9
TARIKH: 27 FEBRUARI 2017 (ISNIN)

VX tidak bersifat seperti radioaktif: Pakar

Kuala Lumpur: Senjata kimia Agen Saraf VX (VX) yang digunakan untuk membunuh, hanya bertindak balas merosakkan sistem saraf, sekiranya diserap tubuh melalui kulit, mata, ditelan atau masuk menerusi saluran pernafasan.

Walaupun boleh digunakan untuk pembunuhan beramai-ramai, kesan Agen Saraf VX tidak bersifat seperti radioaktif atau gelombang yang tersebar melalui udara, yang boleh mengakibatkan kemusnahan lebih besar.

Pakar Toksikologi, Dr Dzulkefly Ahmad, berkata wujud salah faham dalam kalangan masyarakat yang menyangkakan VX turut memberi kesan kepada orang ramai yang ada berhampiran mangsa ketika pembunuhan menggunakan senjata kimia itu berlaku.

"Walaupun senjata kimia itu boleh digunakan untuk membunuh lebih daripada seorang sasaran, namun penyerang perlu memastikan bahan terabit terkena pada mangsa dan menyerap ke dalam tubuhnya.

"VX perlu masuk ke dalam sistem saraf dahulu dan berada dalam sistem aliran darah kita, ia akan menghalang tindakan enzim saraf menyebabkan saraf melepaskan acetylcholine secara keter-

lauan dan seterusnya isyarat saraf tidak dapat dihentikan sehingga berlaku kerosakan saraf," katanya ketika dihubungi BH, semalam.

Bergantung kepada dos

Zulkefly yang juga bekas ahli toksikologi Universiti Sains Malaysia (USM), berkata jika bahan itu diledakkan dan terkena pada tubuh, kesannya akan berlaku dengan amat pantas dalam tempoh antara 10 hingga 15 minit.

"Namun ia bergantung kepada jumlah dos bahan berkenaan, andainya melebihi 10 hingga 15 miligram (mg), ia akan membawa maut. Mangsa akhirnya maut akibat kegagalan pernafasan.

"VX bertindak balas paling cepat dan berkesan sekiranya ia memasuki tubuh mangsa melalui sistem pernafasan dan dalam tempoh kurang 15 minit, mangsa akan merasai kesannya," kata beliau lagi.

Menurut beliau, kesan VX lebih rendah atau lebih lambat sekiranya terkena kulit dan jika cepat dibasuh dengan air sebelum sempat menyerap, mangsa mungkin hanya akan mengalami simptom seperti koma, pening, muntah, sakit perut, cirit-birit, penglihatan terganggu dan berpeluh.

Ditanya mengenai teori binari

kemungkinan dua suspek wanita itu menyapu muka Jong-nam dengan dua bahan kimia berbeza sebelum bergabung menghasilkan VX, Dzulkefly enggan menyokong teori itu walaupun ada pihak mencongkak kemungkinan perkara terabit berlaku.

Sementara itu, Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur 2 (klia2) diisytiharkan tempat yang selamat dan bebas daripada sebarang pencemaran bahan berbahaya.

Ketua Polis Selangor, Datuk Seri Abdul Samah Mat, berkata hasil operasi Makmal Forensik Polis Diraja Malaysia bersama pasukan Unit Bahan Berbahaya (HAZMAT), Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia dan Lembaga Perlesenan Tenaga Atom (AELH) Malaysia awal pagi semalam, mendapati tidak ada bahan berbahaya ditemui.

Katanya, operasi selama satu jam 15 minit bermula jam 1.45 pagi itu membabitkan beberapa kawasan yang ada kaitan dengan kes pembunuhan abang pemimpin Korea Utara, Kim Jong-nam, menggunakan Agen Saraf VX pada 13 Februari lalu.

Washington, Seoul rancang latihan tentera M-71



HAZMAT membuat pemeriksaan di kiosk daftar masuk layan diri tempat berlakunya pembunuhan Jong-nam di klia2, awal pagi semalam.

KERATAN AKHBAR

HARIAN METRO (SETEMPAT) : MUKA SURAT 11

TARIKH: 27 FEBRUARI 2017 (ISNIN)



Mohd Husni Mohd Noor
mhnsn@metro.com.my

Sepang

Selepas melalui proses imbasan, pengesanan dan pemeriksaan selama satu jam 15 minit, Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur 2 (Klia2), diisytiharkan selamat dan bebas daripada bahan beracun berbahaya termasuk agen saraf VX. Perkara itu disahkan Ketua Polis Selangor Datuk Seri Abdul Samah Mat selepas menerima keputusan hasil pemeriksaan dilakukan tiga pasukan iaitu pasukan khas Lapangan Nuklear, Biologi, Radiologi dan Kimia (CBRNe) dari Makmal Forensik Polis Diraja Malaysia (PDRM), Unit Bahan Berbahaya (HAZMAT) dari Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia serta Lembaga Penguatkuasaan Tenaga Atom Malaysia (AELB) di Klia2, awal pagi semalam.

Abdul Samah berkata, pengesanan dibuat selepas tiga pasukan berkenaan selesai menjalankan operasi mengesan bahan berbahaya di lima lokasi utama dikaitkan dengan kes pembunuhan abang kepada pemimpin Korea Utara, Kim Jong-nam di Klia2 pada 13 Februari lalu.

Beliau berkata, enam lokasi termasuk ruang hadapan restoran Bibik Heritage, kios daftar masuk layan diri, kaunter

khidmat pelanggan dan sekitar papan maklumat penerbangan di aras tiga, selain tandas wanita dan Klinik Perubahan Menara di aras dua terminal lapangan terbang itu.

"Operasi awal pagi ini (semalam) membabitkan beberapa kawasan yang ada kaitan langsung dengan kes pembunuhan Jong-nam di Klia2 termasuk lahan pergerakan lelaki itu, selain dua suspek wanita yang dirahan."

"Kami melakukan operasi ini selepas 12 hari kerana baru mendapat pengesahan analisis mengenai agen saraf VX (yang digunakan untuk membunuh Jong Nam) pada petang Jumaat lalu," katanya.

Katanya, pihaknya mengesahkan pemeriksaan itu meliputi semua lokasi berkaitan kes pembunuhan itu, sekali gus memastikan lapangan terbang itu selamat kepada penumpang dan penumpang. Sementara itu, Abdul Samah berkata, pihaknya mengesahkan kakitangan Klia2 membunuh Jong-nam pada hari kejadian tidak mengalami apa-apa kesan terkena racun dan didapati sihat selepas menjalani pemeriksaan kesihatan.

"Bagaimanapun, kami akan membuat pemeriksaan lanjut ke atas mereka jika diperlukan."

Selain itu, kami tidak menerima aduan daripada orang awam yang berada berhamiran lokasi kejadian itu, namun menyarankan mereka membuat pemeriksaan jika

mengalami masalah kesihatan," katanya.

Ditanya mengenai dakwaan dibuat suspek yang mengalami muntah-muntah dipercayai selepas menyembur cecair beracun itu, Abdul Samah menjelaskan, simptom itu dialami suspek wanita warga Indonesia, Siti Aishah, 25, di dalam teksi sebaik saja melakukan perbuatan itu dan bukannya ketika dalam tahanan polis.

Dalam pada itu, Abdul Samah berkata, suspek lelaki Korea Utara, Ri Jong-Chol, 47, disambung reman tujuh hari lagi bermula kelmarin.

Sementara itu, Ketua Pengarah AELB, Hasnadi Hassan berkata, pihaknya mengakui tidak pernah mengendalikan kes berkaitan agen saraf VX di Malaysia, namun pihaknya mempunyai kepakaran dari segi peralatan dan anggota untuk menanganinya.

Berhubung serbuan di sebuah kondominium di Jalan Klang Lama, Khamis lalu, Abdul Samah berkata, kediaman itu pernah disewa empat suspek utama kes pembunuhan itu yang sudah meninggalkan negara ini.

Terdahulu, polis menutup sementara sebahagian ruang legar di aras kaunter daftar masuk pelepasan dalam negeri dan antarabangsa Klia2 bermula jam 11 malam kelmarin bagi melancarkan operasi pembersihan dan mengesan bahan kimia berbahaya itu.

Kuala Lumpur

Berang cermin sisi kereta tertanggal

Kaunselor di Kedutaan Korea Utara di sini, Kim Yu-song mengherdik pengamal media yang menyerbu kereta Mercedes-Benz berwarna biru gelap yang dipandunya sehingga cermin sisi kereta itu tertanggal.

Beliau ketika itu sedang mengundurkan kenderaannya dari kawasan kedutaan jam 12.15 tengah hari semalam sebelum diserbu pengamal media yang berkampung di depan kedutaan itu sejak 13 Februari lalu.

Yu-song lalu keluar daripada keretanya bagi membentukkan cermin itu di sebelah bahagian pemandu serta meninggikan suaranya kepada pihak media.

"Siapa pecahkan cermin sisi saya. Keluar dari sini," keritnya dalam bahasa Inggeris.

Pengamal media berhimpun di kawasan kedutaan bagi mendapat maklumat terkini mengenai kes pembunuhan Kim Jong-nam, abang kepada pemimpin tertinggi Korea Utara, Kim Jong-un. - Bernama



KERATAN AKHBAR
KOSMO (NEGARA) : MUKA SURAT 12
TARIKH: 27 FEBRUARI 2017 (ISNIN)

PDRM sahkan KLIA2 bebas bahan radioaktif berbahaya

Oleh NADIA SHAIKUL BAHARI

SEPANG - Polis Diraja Malaysia (PDRM) mengesahkan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur 2 (KLIA2) bebas daripada sebarang pencemaran bahan radioaktif sekali gus ia diisytiharkan sebagai tempat yang selamat.

Ketua Polis Selangor, Datuk Seri Abdul Samah Mat berkata, pengesahan itu dibuat selepas satu operasi bersepadu lebih sejam dilakukan di KLIA2 bermula pada awal pagi semalam bagi mengesan kehadiran sisa-sisa radioaktif di lokasi pembunuhan pemimpin buangan Korea Utara, Kim Jong-nam pada 13 Februari lalu.

Operasi pembersihan bersepadu itu dilakukan bagi mengesan bahan kimia Ethyl S-2 Diisopropylamino Ethyl Methylphosphonothioate atau

agen saraf VX yang disenarai-kan sebagai senjata kimia yang digunakan untuk membunuh Jong-nam.

"Operasi ini dijalankan selepas 14 hari insiden tersebut berlaku kerana pihak kami baru menerima laporan analisis oleh Jabatan Kimia Malaysia ke atas mayat Jong-nam yang mengesahkan mangsa mati akibat racun agen saraf VX," kata beliau.

Menurut beliau, selepas pemeriksaan selama sejam, pihaknya mendapati KLIA2 bebas daripada bahan radioaktif sekali gus kawasan tersebut selamat.

Abdul Samah berkata demikian pada sidang akhbar di sini semalam selepas selesai menjalankan operasi bersepadu untuk mengesan sama ada wujud bahan kimia dan bahan berbahaya lain di KLIA2.



OPERASI bersepadu membersihkan KLIA2 disertai pelbagai agensi bagi mengesan sisa bahan radioaktif. KLIA2 dibersihkan antara pukul 1.45 petang dan 3 pagi semalam.

Operasi pemeriksaan tersebut disertai pasukan Forensik PDRM dengan kerjasama Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JPBM) serta Badan Pelesenan Kuasa Atomik (AELB). Operasi itu di-

lakukan mulai pukul 1.45 hingga pukul 3 pagi.

Terdahulu, satu Pasukan Unit Bahan Berbahaya (HAZMAT) JPBM, PDRM dan AELB tiba dengan memakai sut perlindungan bahan berbahaya yang

lengkap dengan topeng muka untuk menjalankan pemeriksaan kesan sisa radioaktif di sekitar kawasan ruang legar pelepasan dalam negeri dan antarabangsa, tandas wanita di aras dua serta kawasan Klinik Menara di KLIA2.

Abdul Samah memberitahu, operasi itu terpaksa dijalankan pada awal pagi kerana pihaknya tidak mahu mewujudkan suasana panik dalam kalangan penumpang di KLIA2 selain memudahkan proses pengendalian pemeriksaan.

Kata beliau, beberapa staf Malaysia Airports Holdings Berhad yang membantu Jong-nam mendapatkan rawatan dan pegawai penyiasat yang berhubung dengan kedua-dua suspek wanita juga melakukan pemeriksaan kesihatan. Doktor-doktor mendapati semua mereka sihat.



Police: VX nerve agent used to kill North Korean leader's half-brother

Police have revealed that it was VX nerve agent — classified as a weapon of mass destruction by the United Nations — that was used to kill the half-brother of North Korean leader Kim Jong-un at klia2 on Feb 13. Police intend to ask the **Atomic Energy Licensing Board** to carry out a sweep of the airport for traces of the toxic chemical used on Kim Jong-nam. The findings came amid increasing tension between Pyongyang and Kuala Lumpur, with the former strongly criticising Malaysia's handling of the probe into the murder.

KLIA2 declared safe from toxin

Police assure people that terminal is free from chemical contamination

By AUSTIN CAMOENS, LOSHANA K SHAGAR
and AKIL YUNUS
newsdesk@thestar.com.my

SEPANG: KLIA2 has been cleared of any trace of the VX nerve agent and declared safe following an early-morning sweep.

Police have confirmed that the low-cost carrier terminal where the murder of Kim Jong-nam took place is free of the toxin.

From the screening conducted jointly by the Atomic Energy Licensing Board (AELB), Fire and Rescue Department and police, no traces of VX were found.

Confirming this, Selangor police chief Comm Datuk Seri Abdul Samah Mat said they made the call to conduct the screening for hazardous materials following the Chemistry Department's findings that the chemical compound was used in the killing.

Jong-nam, the estranged half-brother of North Korea's Supreme Leader Kim Jong-un, is believed to have been fatally poisoned by two women at KLIA2 on Feb 13 as he was set



to fly to Macau where he lived in exile.

Police announced on Feb 24 that the liquid that was smeared on Jong-nam's face was the VX nerve agent, a deadly chemical classified by the United Nations as a weapon of mass destruction.

Comm Abdul Samah said the joint operation, carried out by the police forensic team, AELB and the Hazmat (hazardous materials) unit of the Fire and Rescue Department, started at about 1.45am yesterday and ended about an hour later.

"Based on our screenings, we have come to three conclusions: there are no hazardous materials detected, KLIA2 is free of any form



Safety measures:
Police and other agencies conducting a joint sweep of the path Jong-nam took after the Feb 13 attack at the KLIA2 departure terminal.
— IZZARFIQ ALIAS/The Star

of contamination, and the airport is declared a safe zone," he told reporters at the airport yesterday.

Comm Abdul Samah said the sweep was performed as a precaution after the nerve agent was identified last Friday.

"We decided to do it at 1.45am as the airport was less busy with fewer people than as we did not want to cause any unnecessary alarm," he said.

Those who attended to the victim after the attack had also undergone examination.

"They are all fine," he said.

He said the Indonesian suspect Siti Aisyah, who had vomited in the taxi immediately after the attack, has not shown any symptoms in police custody currently.

She was nabbed three days after the assassination.

Comm Abdul Samah also said Hospital Kuala Lumpur staff at its mortuary had also

been briefed to take extra precaution when coming in contact with Jong-nam's body.

On the raid conducted at a condominium in Jalan Klang Lama, Kuala Lumpur, on Thursday, he said police believed the unit had been rented by the four suspects who fled the country after the incident.

"We took samples and sent them for analysis but we cannot announce what the substances are. But they are related to the four main suspects," he said.

The police, he added, are still investigating if the nerve agent was manufactured in the country or smuggled in.

The four — Rhi Ji-hyon, 33, Hong Song-hac, 34, O Jong-gil, 55, and Ri Jae-nam, 57 — are believed to have masterminded the lethal attack. Sources said they left Kuala Lumpur on Feb 13 right after the killing for Jakarta, then to Dubai and Vladivostok (Russia), before reaching Pyongyang.

KERATAN AKHBAR MALAY MAIL (TOP NEWS) : MUKA SURAT 5 TARIKH: 27 FEBRUARI 2017 (ISNIN)

Nerve agent VX

Used in the assassination of the North Korean leader's half-brother
Traces of VX have been swabbed from Kim Jong-Nam's eyes and face

What is it?

"Most potent of all nerve agents": CDC

Classified by the UN as a "weapon of mass destruction"

Disables the body's "off switch" for glands and muscles

Causes constant stimulation, can lead to asphyxiation



An amber, oily liquid

Odourless and tasteless

Entry through skin or via inhalation

Any contact can be lethal, unless washed off immediately

After the attack at Kuala Lumpur international airport on February 13, Kim Jong-Nam suffered a seizure and died before reaching hospital

Source: CDC/UN/Malaysian Police

© AFP

klia2 gets 'all clear' after big sweep

By Emmanuel Santa Maria Chin and Kenneth Tee
mmnews@mmail.com.my

the four main suspects and we seized several chemical samples. We are awaiting results from the Chemist Department.

SEPANG — A joint operation involving the police, Fire and Rescue Department and the Atomic Energy Licensing Board took place at klia2 early yesterday to:

► Detect any remnants of the VX nerve agent following the killing of Kim Jong-nam.

Selangor police chief Datuk Seri Abdul Samah Mat said the sweep began at 1.45am and ended at 3am.

Checks conducted at murder play areas revealed:

► No traces of contaminants or hazardous materials at airport. It has been declared a safe zone.

3.40AM PRESS CONFERENCE

Q: Why were checks done only now, 13 days after the assassination?

Samah: We only received confirmation from the Chemist Department of the substance used on Friday.

We decided checks had to be done at the airport to ensure safety.

Which areas were examined?

Samah: Every location related to the case.

Why was the sweep done at this hour?

Samah: To ensure we do not cause unnecessary panic during peak hours.

What about those who have had contact with the victim?

Samah: Clinic and information counter staff were subjected to health checks and there are no signs of them being affected by the chemical. Those who were there during the attack and suffered health issues should get medical help.

What happened at Verve Condominium in Old Klang Road on Friday?

Samah: The unit was rented by

Which suspect vomited from the effects of the chemical?

Samah: It was the Indonesian suspect. She vomited several times in the taxi, after fleeing the airport following the incident. There were no health issues while she was in custody.

Is it possible that two types of chemicals were smeared on Jong-nam, creating a lethal reaction?

Samah: We tested two samples from the victim's remains, and so far both samples proved to be the VX nerve agent. No traces of other chemicals were found. There are other samples obtained from the remains which are still being tested.

As VX is deadly, could the female suspects have injected themselves with antidotes?

Samah: We are looking into the possibility they were administered antidotes. Investigators are working closely with the hospital to get the necessary tests done to clarify this.

Questions were also directed at AELB Nuclear Emergency Team chairman Hasmadi Hassan

Is this AELB's first encounter with VX nerve agent?

Hasmadi: Yes, this is the first time in Malaysia.

What was the role of AELB in the sweep?

Hasmadi: We were called by the police to assist in investigations to detect if there was any presence of radioactive materials.

Was the protective suit necessary when thousands have passed through?

Hasmadi: It is part of our standard procedure to be wearing full suits, because the investigators would be up-close with the radioactive materials.



Pictures by Arneal Ishak and Azinuddin Ghazali



klia2 declared **safe**

> Checks by teams in protective suits find no traces of VX nerve agent used in killing

SEPANG: The authorities have declared KL International Airport 2 (klia2) safe after checks yesterday found no toxic substances.

"klia2 is a safe place," said Selangor police chief Datuk Seri Abdul Samah Mat after the operation from 1.45am to 3am by the Police Forensics Department, Fire and Rescue Department and the Atomic Energy Licensing Board.

Abdul Samah said the operation covered "all areas and locations" related to the murder of Kim Jong-Nam, whose death was attributed to a toxic substance (later identified as VX nerve agent) that had been administered on his face at klia2.

On why the authorities conducted the checks 13 days after the murder, he said the police only received a preliminary analysis report from the Chemistry Department on Friday.



He said Malaysia Airports Holdings Berhad staff and police personnel who had come into contact with Jong-Nam and the murder suspects had undergone medical examinations.

On reports that one of the women suspects had vomitted following the incident, Abdul Samah said she had vomitted in a taxi as she headed to another location, and not when she was in police custody.

Abdul Samah also said the remand on a North Korean male suspect was extended yesterday for seven more days.

He added police had examined a condominium unit in Jalan Klang Lama, Kuala Lumpur, that is believed to have been rented by four other suspects who left the country on the day of the killing.

- Bernama

SEE ALSO PAGE 12 ►



A Chemical, Biological, Radiological and Nuclear Explosive team checking klia2 for traces of dangerous substances.

KERATAN AKHBAR
SINAR HARIAN (NASIONAL) : MUKA SURAT 8
TARIKH: 27 FEBRUARI 2017 (ISNIN)

MCPF bimbang kes buli siber meningkat

SHAH ALAM- Peningkatan kes buli siber pada tahun lalu merupakan senario yang perlu ditangani semua pihak agar ia tidak menjadi lebih teruk lagi.

Naib pengerusi kanan Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia (MCPF), Tan Sri Lee Lam Thye, peningkatan kes tersebut dicatatkan berdasarkan statistik yang dikeluarkan oleh CyberSecurity Malaysia.

"Jumlah kes buli siber meningkat daripada 256 kes pada 2015 kepada 338 kes tahun lalu. (Ia berbeza dengan) jumlah kes buli siber yang direkod pada 2013 adalah 389 kes sebelum ia menurun kepada 291 kes pada 2014.

"Jika kita tidak menangani masalah ini dengan segera, ia boleh jadi isu besar di kalangan pelajar dengan implikasi sosial yang meluas," katanya dalam kenya-

taan, semalam.

Lam Thye berkata, majoriti masyarakat masih lagi tidak sedar atau mengetahui kes serta implikasi yang boleh dihadapi mangsa.

Justeru, usaha dalam memberi kesedaran mengenai kes ini perlu dipertingkatkan supaya masyarakat mengetahui apa itu siber buli.

"(Antara usaha yang boleh dilakukan adalah) menasihatkan pelajar supaya memastikan komputer mereka mempunyai aplikasi pencegahan dan tidak berkongsi maklumat peribadi dengan pengguna internet yang tidak dikenali.

"(Selain itu), ibu bapa dan guru juga harus sentiasa memantau aktiviti *online* pelajar dan anak-anak mereka supaya mereka tidak terdedah dengan ancaman dan anasir tidak elok di alam maya," katanya.

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (MEGA SAINS) : MUKA SURAT M19
TARIKH: 27 FEBRUARI 2017 (ISNIN)

KREATIVITI SENTUHAN OKU

PENGHARGAAN wajar diberi kepada mereka yang mempunyai bakat menghasilkan sesuatu untuk manfaat setiap lapisan masyarakat. Selain mengangkat martabat bidang kreativiti dan inovasi untuk manfaat orang ramai, golongan 'tangan emas' ini dianggap menyumbang kepada usaha memberi nilai tambah terhadap material atau produk supaya lebih komersial. Wartawan Utusan **NUR FATIEHAH ABDUL RASHID** menyorot kisah kejayaan penganalisis sebagai khazanah kecil negara.



PLPP Bangi mengutamakan pembangunan inovasi untuk mereka yang memerlukan.



KREATIVITI dalam reka bentuk merupakan suatu perkara yang sangat unik kerana ia mampu mengubah persepsi seseorang terhadap sesebuah produk dan juga mampu meningkatkan nilainya dalam pasaran.

Keupayaan untuk berdaya kreatif pula adalah hak milik semua dan tidak hanya terbatas kepada keupayaan fizikal ataupun intelektual seseorang.

Menyadari hakikat itu, Majlis Rekabentuk Malaysia (MRM) telah mengambil inisiatif untuk menganjurkan bengkel reka bentuk kepada tenaga pengajar orang kurang upaya (OKU) pada tahun lalu yang dikenali sebagai Program Memperkasa Pembangunan Sosioekonomi Golongan OKU.

Bengkel yang dibiayai sepenuhnya melalui Dana Inovasi Sosial Kementerian

Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) atau MSI itu bertujuan merangsang kreativiti golongan OKU untuk kekal berimaginasi dalam penghasilan sesebuah idea.

Program berkenaan mendapat kerjasama sepenuhnya daripada Jabatan Pembangunan OKU, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK), di Pusat Latihan Perindustrian dan Pemulihan (PLPP), Bangi, Selangor.

Tidak seperti kelaziman apabila golongan OKU hanya dikaitkan dengan penghasilan kraf sahaja, pelatih di PLPP juga menghasilkan produk seperti kerusi roda, kaki palsu, seni batik, trofi dan kraf tempurung.

Pengarah Program, **Husaini**

Ismail berkata, walaupun pada asalnya MRM hanya menumpukan pembangunan tiga produk utama iaitu kerusi roda, kaki palsu dan trofi, ternyata daya kreativiti dan kemampuan OKU ini melangkaui keterbatasan fizikal mereka.



HUSAINI ISMAIL

Katanya, hal ini kerana pada akhir bengkel, kesemua 13 peserta bengkel berjaya menghasilkan empat idea yang ternyata memberikan kepuasan kepada mereka kerana berjaya keluar dari kepompong kebiasaan.

"Latihan bagi program berkenaan dijalankan selama

enam bulan bermula pada Jun tahun lalu dengan menekankan produk yang mempunyai elemen inovasi.

"Setelah produk dibangunkan, Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) akan menjadi pembekal komponen untuk mengkomersialkan produk-produk berkenaan ke pasaran tempatan dan juga berpotensi untuk dipasarkan ke peringkat antarabangsa," katanya ketika ditemui *Mega Sains* di PLPP Bangi, baru-baru ini.

Menjelaskan dengan lebih lanjut, Husaini berkata, sepanjang program itu dijalankan, mereka juga tidak terlepas daripada menghadapi cabaran seperti pengetahuan dan kemahiran peserta yang agak

terhad.

"Hal ini kerana, kerana peserta tidak mempunyai latihan rasmi dari segi reka bentuk dan hanya bergantung kepada kemahiran semata-mata dan ini membataskan idea-idea mereka."

"Namun begitu, program ini telah membantu untuk membuka minda mereka supaya menjadi lebih kreatif serta inovatif dan akhirnya berjaya menghasilkan produk yang boleh dibanggakan," katanya.

Jelasnya lagi, pihaknya amat berbangga dengan kejayaan bengkel tersebut dan berharap setiap teknik dan ilmu yang dicurahkan di sepanjang bengkel itu berlangsung akan digunakan sebaiknya oleh para peserta.

"Jika sebelum ini, aktiviti mereka bentuk adalah bersifat tradisional, tetapi MRM telah memperkenalkan teknik rekaan yang lebih bersesuaian dengan trend dan keperluan pasaran semasa,

termasuk penggunaan perisian digital yang akan memberi nilai tambah kepada produk yang akan dihasilkan.

"Sebagai contoh, memberi peluang kepada para peserta untuk menerokai idea-idea baharu ketika menghasilkan kerusi roda yang lebih ergonomik dan menepati keperluan individu OKU itu sendiri berdasarkan kepada pengalaman pengguna (user experience)," katanya.

Tambahnya, bengkel berkenaan turut bermatlamat untuk melahirkan lebih ramai usahawan OKU dan memastikan mereka mampu berdaya saing dengan usahawan-usahawan lain tanpa mengira keupayaan fizikal.

Ini selari dengan hasrat kerajaan untuk mengurangkan ketergantungan OKU kepada bantuan kerajaan semata-mata, malah pada masa yang sama, mampu menjadi contoh kepada golongan OKU lain di Malaysia.

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (MEGA SAINS) : MUKA SURAT M19
TARIKH: 27 FEBRUARI 2017 (ISNIN)

Ubah persepsi masyarakat

SEMENTARA itu, Pengarah PLPP Bangi, **Ismail Arul Raj Amirudin** berkata, program sebegini mampu mengubah persepsi negatif masyarakat apabila kumpulan sasaran program merupakan golongan OKU dan melibatkan pihak MEM.

"Peserta-peserta menerima pendedahan tentang kepentingan reka bentuk dan secara tidak langsung dapat meningkatkan kreativiti pelajar seterusnya melahirkan budaya masyarakat yang inovatif. "Seterusnya, dapat melahirkan idea yang bersesuaian dengan kumpulan sasar apabila rekaan

yang dihasilkan memenuhi keperluan dan kehendak golongan itu.

"Bukan itu sahaja, program ini juga banyak membuka ruang selian peserta turut didedahkan dengan benda baharu yang boleh dikembangkan oleh golongan OKU," katanya.

Menurutnya lagi, dengan adanya program ini juga, pihak PLPP telah merancang untuk menjadikan reka bentuk sebagai salah satu kursus elektif pilihan kerana ia merupakan bidang yang masih belum diterokai secara menyeluruh.

"Apa yang lebih

penting, usaha ini dapat membudayakan masyarakat untuk menghasilkan idea-idea dan inovasi baharu yang mempunyai potensi besar sehingga ke peringkat global," katanya.



ISMAIL ARUL RAJ AMIRUDIN



LAKARAN artis sebagai gambaran produk yang akan dihasilkan.



LAKARAN grafik membantu mereka bentuk inovasi yang diinginkan.



KERJA-KERJA pembinaan kerusi roda untuk OKU.



KOLEKSI inovasi yang boleh dimanfaatkan oleh OKU.

Safi jenama dipercayai

Peneraju produk penjagaan diri yang 'Selamat dan Suci'

NOOR AINULYAKIN ISHAH

SAFI merupakan jenama utama Wipro Unza (Malaysia) Sdn Bhd (Unza) yang juga jenama halal nombor satu di Malaysia bagi produk penjagaan diri sejak 1987.

Selama hampir tiga dekad di pasaran negara, Safi muncul sebagai peneraju utama dalam kategori produk penjagaan diri untuk Muslimah dan keluarga.

Terkenal dengan slogan 'Selamat dan Suci', Safi mendapat kepercayaan ramai sehingga kini.

Pengurus Pemasaran Safi, Mahsuri Sulaiman, 46, berkata, Safi jenama halal utama di Malaysia yang terdiri daripada barangan berkualiti serta komprehensif dihasilkan khusus untuk keperluan pengguna Muslim wanita moden mahupun lelaki.

"Setiap produk yang telah dihasilkan Safi, diperbuat dengan bahan-bahan semula jadi yang sememangnya mematuhi hukum syarak dan disahkan halal oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim)."

"Apa yang penting, Safi tidak bercanggah dengan nilai-nilai Islam dan tidak mengandungi alkohol atau gelatin termasuk bahan kimia," katanya.

Mahsuri yang menyertai Unza pada awal tahun 2000 mengakui, produk rangkaian Safi kesemuanya dijamin halal setelah melalui proses yang ketat oleh pihak syarikat dan pihak Jakim.

"Bukan mudah untuk mendapatkan logo serta sijil halal Jakim. Daripada jenis bahan, sehinggalah sumber bahan itu diperolehi perlu disenaraikan agar dipastikan semuanya menepati syarat," katanya.

Antara rangkaian produk Safi terdiri daripada siri penjagaan kulit, ubat gigi, talam, syampu, hulu mandi, losyen tangan dari badan, kosmetik, minyak wang, rangkaian dandan rambut untuk lelaki, pembersih peribadi wanita serta terbaru rangkaian penjagaan bayi. Diperbuat daripada bahan terpilih, semula jadi, berkualiti dan halal seiring dengan kehendak syarikat.



Setiap produk yang telah dihasilkan Safi, diperbuat dengan bahan-bahan semula jadi yang sememangnya mematuhi hukum syarak dan disahkan halal oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim)."

- Mahsuri

Mahsuri yang mempunyai kelulusan dalam bidang pemasaran berkata, semua produk Safi turut dihasilkan sepenuhnya di kilang sendiri yang terletak di Malaysia.

"Safi berusaha untuk menghasilkan produk-produk berkualiti tinggi untuk memenuhi keperluan pengguna, justeru pengilang kami disahkan ISO dan Good Manufacturing Practice (GMP)."

"Selain itu, pengilang produk Safi mematuhi taraf antarabangsa termasuk Federal Drug Authority (FDA), European Economic Community (EEC)/Colipa, British Pharmacopoeia (BP), Cosmetics, Toiletries & Fragrance Association (CTFA)," katanya.

Tidak tergugat dengan lambakan produk

Menurut Mahsuri, kewujudan pelbagai produk penjagaan diri terutama kecantikan dari syarikat tempatan menjadi satu persaingan kepada jenama Safi.

"Tetapi persaingan itu bagi kami adalah sihat. Kerana pada awal tahun 2000 dahulu, boleh dikatakan, produk tempatan masih kurang. Ia membolehkan Safi menjadi pilihan ramai wanita ketika itu."

"Tetapi kini, semakin banyak

produk tempatan jenis sama dijual di pasaran Malaysia, memberikan pengguna pilihan yang pelbagai, namun jualan produk kami masih memberangsangkan," kata wanita yang berasal dari Kedah ini.

Jelasnya, kewujudan produk tempatan juga tidak menggugat Safi kerana jenama itu masih menjadi pilihan serta mendapat kepercayaan pengguna sehingga kini.

"Bagi kami, setiap jenama mempunyai kekuatan sendiri, begitu juga dengan produk jenama Safi yang masih diberi kepercayaan teguh dari pengguna."

"Safi misalnya, sebelum melancarkan sesuatu produk, kami jalankan kajian terperinci akan permintaan dan keperluan semasa pengguna, sebab itu, kami masih kekal sebagai jenama terunggul untuk penjagaan diri," katanya.

Mahsuri berkata, Safi sendiri masih menjadi pilihan pengguna kerana faktor harganya.

"Kelebihan kami apabila harga bagi semua rangkaian produk Safi sangat berpatutan berbanding kualitinya yang tinggi."

"Kebanyakan berharga sekitar RM20 dan kuantiti isian produk Safi sama dengan produk lain yang berada di pasaran tetapi dengan harga lebih mahal," katanya.

Tambah Mahsuri, biarpun produk Safi boleh didapati dengan harga lebih rendah berbanding produk jenama lain, tetapi tidak bermakna produk tersebut tidak berkualiti.

"Setiap produk melalui proses penyelidikan dan pembangunan (R&D) terlebih dahulu oleh pakar makmal kami yang berkelulusan dalam bidang R&D."

"Jika mahal sekali-pun, pengguna akan teragak-agak un-

tuk mendapatkan produk tersebut, tetapi dengan harga Safi yang berpatutan memberikan kelebihan pengguna untuk mendapatkannya berulang kali," katanya.

Tawar pelbagai produk

Kelebihan Safi bukan sahaja terletak pada kualiti serta harganya yang rendah, tetapi juga mempunyai kepelbagaian produk khasnya produk penjagaan kulit untuk semua jenis kulit.

"Produk kami dihasilkan untuk jenis dan masalah kulit yang berlainan. Oleh itu, Safi menghasilkan pelbagai peringkat produk yang sesuai untuk digunakan pengguna yang mengalami masalah kulit berbeza."

Foto: NURLENA SHAHRI

Mahsuri bersama produk Safi Balqis yang mempunyai OryWhite.



SAMBUNGAN...
SINAR HARIAN (BISNES) : MUKA SURAT 18
TARIKH: 27 FEBRUARI 2017 (ISNIN)



Empat doktor yang menjadi penggerak penting bahagian R&D Safi.

"Kami ada Safi Balqis, Beauty Fair, Safi Rania dan juga ada Natural. Sebenarnya tidak salah untuk pengguna bertukar produk sekiranya memang bualan sekali, bergantung pada kulit masing-masing," katanya.

Mahsuri memberitahu, bagi Safi sendiri, pengguna boleh memakainya mana-mana rangkaian produk Safi mengikut kesesuaian kulit mereka kerana setiap produk yang dibangunkan sesuai untuk masalah kulit yang dialami pengguna.

Berbeza dengan produk lain, ada antaranya hanya menyediakan satu jenis produk penjagaan kulit sahaja di mana tidak memberikan pilihan kepada pengguna," katanya.

Mahsuri berkata, produk rangkaian Safi juga dihasilkan mengikut peringkat umur pengguna di negara ini untuk memudahkan pengguna mencari produk penjagaan kulit yang sesuai dengan umur.

Selain itu, bagi yang ingin mengetahui produk yang sesuai dengan kulit pengguna, Safi turut menempatkan jurujualnya di kebanyakan kaunter jualan Safi.

"Kami kini ada sekurang-nya 1,000 jurujual yang amat terlatih dalam memberi nasihat kecantikan kepada pelanggan."

"Kami antara syarikat terbesar yang ada menyediakan jurujual untuk produk Unza, terutama rangkaian Safi seperti syampu, produk penjagaan kulit, ubat gigi dan produk

lain," katanya.

R&D produk halal terbesar di Asia Tenggara

Mengulas mengenai kekuatan Safi terus kukuh sehingga kini, Mahsuri berkata, Safi memastikan bahawa produk dihasilkan dengan penuh kualiti untuk kebaikan pengguna, serta selamat digunakan.

"Di Safi, kami menjalankan R&D sendiri, yang kini dikenali sebagai *Safi Excellent in Research and Innovation* (Seri) yang juga antara R&D terbesar di Asia Tenggara untuk produk halal."

"Bahagian tersebut mempunyai empat orang saintis berkelulusan PhD yang khusus bidang penyelidikan struktur kulit."

Menjadikan semua produk Safi diayak kualiti dan keberkesannya," katanya.

Teknologi yang digunakan juga memberi banyak kelebihan kepada pengguna produk Safi.

"Terbaru di dalam krim siang OxyWhite Safi Balqis, ditambah kandungan IR (Infra Merah)

membantu melindungi kulit daripada sinaran infra merah yang boleh memusnahkan sel kulit seterusnya mempercepatkan kulit gelap.

"Sebenarnya, apa sahaja yang mengeluarkan haba, seperti lampu dan api memasak, memiliki infra merah yang boleh memberi kesan negatif pada kulit."

Justeru teknologi baru dalam produk Safi dapat membantu melindungi daripada sinaran tersebut," katanya yang juga akan digunakan pada produk Safi yang lain.

Mahsuri memaklumkan, selain IR, Safi turut memastikan kualiti produk apabila turut menggunakan teknologi Nano dalam produk Safi Rania Gold.

"Teknologi Nano yang kami gunakan mendapat pengiktirafan daripada Nano Malaysia di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI)."

Mahsuri bagaimanapun berkata, biarpun mempunyai pelbagai teknologi, tetapi harga masih di dalam lingkungan berapamam di bawah RM50.

"Kami juga tidak mencampuri bahan terlarang seperti merkuri untuk mempercepatkan proses pencerahan kulit, teknologi yang kami gunakan juga semuanya diiktiraf pihak berkepentingan," katanya.

Syampu kutip jualan tinggi

Mahsuri mengakui, walaupun permintaan pelanggan masih positif untuk produk Safi, tetapi masih berasa terkesan dengan keadaan ekonomi ketika ini.

"Bukan sahaja Safi, industri lain juga turut merasai kesannya. Dan bagi pengguna pula, ketika ini, lebih memilih memiliki produk ketika tempoh promosi."

"Alhamdulillah Safi selalu melakukan promosi dan aktiviti



Mahsuri (kiri) bersama pemenang utama cabaran shaya 3.0

itu dibuat secara konsisten walaupun tidak berturut-turut di tempat yang sama. Kami lakukan promosi di tempat dan tarikh berbeza, untuk menarik pelanggan," katanya.

Mahsuri berkata, produk syampu Safi Shayla semakin mendapat sambutan memberangsangkan sejak diperkenalkan pada 2014.

"Jualannya sangat laju sehingga kini, dan ia menduduki tangga kedua terkukuh dari jumlah jualan rangkaian produk Safi."

"Kami menganggarkan jualan Safi Shayla meningkat dua digit setiap tahun, yang mana kami percaya syampu ini sesuai untuk wanita bertudung selain selamat dan suka," katanya.

Di sebalok itu, kata Mahsuri, biarpun sedikit terkesan dengan keadaan ekonomi, tetapi Safi masih boleh kekal jualan dengan pertumbuhan yang positif kerana banyak antara produk masih

menjadi pilihan pengguna.

"Selain kami percaya, wanita dan penjagaan diri tidak boleh dipisahkan," katanya.

Jelasnya, selain melancarkan produk baharu, Safi juga sentiasa memperbaharui pembungkusan produknya agar kelihatan segar dan menarik di mata pengguna.

"Pengguna gemarkan produk baharu yang menarik dan cantik pembungkusannya, oleh itu, kami perlu jalan seiring dengan menukar pembungkusan dan kandungannya agar lebih segar dan sesuai untuk pengguna."

Sekiranya masih mengekalkan pembungkusan yang lama, pasti produk kami tidak akan laku. Kami juga sentiasa buat pelancaran semula untuk semua produk Safi," katanya yang bakal melancarkan dua rangkaian produk baharu tahun ini.



Safi turut memperbaharui dua baharunya: Saram Nichebrand (tengah, berdiri).